



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**OPERASI SEPADU KE ATAS ALAT SUKAT DAN TIMBANG
DI KOMPLEKS Pendaratan IKAN MUARA**

1. Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), bersama agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, telah melaksanakan satu operasi pemeriksaan mengejut di Kompleks Pendaratan Ikan Muara baru-baru ini.
2. Operasi ini dilaksanakan bagi tujuan penguatkuasaan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 (Penggali 151), khususnya untuk memastikan bahawa semua alat sukat dan timbang yang digunakan bagi tujuan perdagangan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT.
3. Hasil daripada operasi tersebut mendapati sebanyak dua belas (12) unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Daripada jumlah tersebut, sebelas (11) unit didapati gagal mematuhi kehendak undang-undang, iaitu tiga (3) unit menggunakan alat timbangan yang telah mansuh tempoh pendaftaran, manakala lapan (8) unit lagi tidak berdaftar. Susulan itu, pihak syarikat telah dikeluarkan Notis Penyitaan dan semua alat yang berkenaan telah diambil tindakan penyitaan. Pemilik alat berkenaan juga dikehendaki hadir ke pejabat Unit SDT dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh notis dikeluarkan bagi tujuan pembetulan dan pematuhan lanjut. Alat-alat yang telah diperbaharui Pencapan Tahunan atau didaftarkan semula telah diserahkan kembali kepada pemilik untuk kegunaan aktiviti perdagangan.
4. Para peniaga dan pengguna alat sukat dan timbang adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994, khususnya di bawah Ceraian 3(2), yang memperuntukkan bahawa mana-mana individu yang menggunakan alat sukat dan timbang yang tidak dicap atau tidak diperakui adalah melakukan suatu kesalahan. Jika sabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi BND1,000.00 atau penjara selama tiga (3) bulan atau kedua-duanya sekali. Selain itu, alat berkenaan boleh dirampas, dan sebarang urus niaga yang dibuat menggunakan alat tersebut adalah dianggap tidak sah di sisi undang-undang.
5. Untuk sebarang pertanyaan lanjut atau aduan, orang ramai boleh menghubungi Unit Sukatan dan Timbangan melalui e-mel: sdt@mofe.gov.bn atau talian 233 4092.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE),
Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

E-mel: sdt@mofe.gov.bn

Rujukan : [075] KKW/SDT/01(I)

Tarikh : 10 Syawal 1447 / 30 Mac 2026



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

**JOINT OPERATION ON WEIGHTS AND MEASURES
AT MUARA FISH LANDING COMPLEX**

1. The Industry and Business Ecosystem Division (IBE), through the Weights and Measures Unit (SDT), together with relevant Government agencies, recently conducted a joint enforcement inspection at Muara Fish Landing Complex.
2. This operation was carried out to enforce the Weights and Measures Act 1983 (Chapter 151), ensuring that all weighing and measuring instruments used for trade are valid, accurate and duly registered with the SDT Unit.
3. During the operation, a total of twelve (12) weighing and measuring instruments were found to be in use for trading purposes. Of these, eleven (11) units were found to be non-compliant with legal requirements, comprising three (3) units with expired registration and eight (8) units that were not registered. A Seizure Notice was issued, and all non-compliant instruments were confiscated. The owners are required to report to the SDT office within seven (7) working days from the date of issuance for corrective action and compliance. Instruments that have since undergone renewal of annual verification or new registration have been returned to the respective owners for trading use.
4. Traders and users of weighing and measuring instruments are reminded to comply with the Weights and Measures (Verification) Regulations 1994, particularly under Section 3(2), which stipulates that any person using unstamped or uncertified instruments for trade commits an offence. Upon conviction, offenders may be subject to a fine not exceeding BND1,000.00, imprisonment for up to three (3) months, or both. In addition, such instruments may be forfeited, and any transaction conducted using such instruments shall be deemed invalid.
5. For further enquiries or complaints, the public may contact the Weights and Measures Unit via email at sdt@mofe.gov.bn or contact at 233 4092.

-END-

Prepared by:

Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division (IBE),
Ministry of Finance and Economy.

E-mail: sdt@mofe.gov.bn

Reference : [075] KKW/SDT/01(I)

Date : 10 Syawal 1447 / 30 Mac 2026

**OPERASI SEPADU KE ATAS ALAT SUKAT DAN TIMBANG
DI KOMPLEKS Pendaratan Ikan Muara**

